

## SEKSYEN II : BAHAGIAN B

PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENGHUBUNGKAN JALAN DARI JALAN BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

## BORANG TENDER

## MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

## BORANG TENDER UNTUK PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH

## TENDER BAGI:

PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENGHUBUNGKAN JALAN DARI JALAN BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

Kepada:

(Pihak menerima tender)

**TUAN,**

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat Tender yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk memberi perkhidmatan perundingan seperti yang ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah difahamkan daripada Dokumen Tender, yang hendaklah diberi perkhidmatan oleh pihak Perunding Ukur Tanah, dengan menepati Dokumen Tender tersebut bagi jumlah wang pukal yang disebutkan di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat dengan *Consultancy Services Agreement* dan Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding yang terletak harganya dan/atau Terma Rujukan tersebut.
3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju memberikan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian itu dalam tempoh masa **enam puluh dua (62)** hari/minggu/bulan\* dari Tarikh Mula Perkhidmatan atau dalam apa-apa tempoh lanjutan masa yang dibenarkan dalam *Consultancy Services Agreement*.
4. Jumlah amaun Tender ini yang merupakan Kos Perkhidmatan Perunding adalah sebanyak Ringgit Malaysia: .....(dalam angka).

**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENGHUBUNGKAN JALAN DARI JALAN BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujui atau menolak Tender ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada tender-tender yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Tender ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh Seratus Dua Puluh (120) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.
  6. Yang bertandatangan di bawah ini mengambil maklum bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika petender yang berjaya telah mengemukakan kepada Majlis dokumen-dokumen berikut:
    - (a) suatu polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional yang diambil atas nama petender yang berjaya;
    - (b) jadual pelaksanaan perkhidmatan perunding yang muktamad; dan
    - (c) senarai nama kakitangan perunding (terdiri daripada kakitangan Perunding ) yang terlibat dalam projek ini berserta peranan masing-masing,
- tidak melebihi \*14/30-hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat Setuju Terima oleh petender yang berjaya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat Setuju Terima terbatal dan Majlis tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungjawab terhadap petender yang berjaya melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.
7. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang Tender ini berserta Surat Setuju Terima akan menjadi kontrak yang mengikat antara Majlis dan petender yang berjaya. Satu dokumen kontrak akan ditandatangani dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen tender.
  8. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa Dokumen Tender Perunding yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun Tender ini adalah salinan-salinan sebenar yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Tender Perunding.
  9. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

SEKSYEN II : BAHAGIAN B

**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENGHUBUNGKAN JALAN DARI JALAN BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

- (a) jika Tender ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Laku Tender atau apa-apa tempoh lanjutan; atau
- (b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janji tambahan kepada Tender ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender; atau
- (c) jika sekiranya Tender telah disetujuterima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal sebagaimana dikehendaki oleh *Consultancy Services Agreement* atau tidak meneruskan perkhidmatan;

maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai Perunding Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada ..... haribulan.....

Tandatangan Petender

Nama Penuh: .....

Atas sifat: .....  
yang diberikuasa dengan sempumanya untuk menandatangani Tender ini untuk dan bagi pihak:

.....  
Meterai atau cap Petender

Saksi: ..... .....

Nama Penuh: .....

Pekerjaan:  
.....

Alamat: .....

.....

**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENGHUBUNGKAN JALAN DARI JALAN BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

**SYARAT-SYARAT MEMBUAT TENDER**

1.
  - (a) Petender mestilah menyerahkan, dalam satu (1) bungkusan/kotak yang dialamatkan sebagaimana ditetapkan dalam Iklan Tender, suatu tender yang sah dalam Borang Tender yang diperuntukkan, bersama dengan Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding yang diisi dan ditandatangani dengan sempurna. Borang Tender yang tidak lengkap atau tidak bertandatangan akan ditolak.
  - (b) Petender hendaklah meletakkan harga dalam Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurna oleh petender.
2. Jika mana-mana petender:
  - (a) menarik balik tendernya sebelum tamat Tempoh Sah Laku Tender atau apa-apa tempoh lanjutan; atau
  - (b) mengenakan had, syarat atau janji tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik tender ini); atau
  - (c) jika sekiranya tender telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau tidak meneruskan perkhidmatan,

maka, dalam mana-mana hal itu, Kerajaan hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai Perunding Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.
3. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Tender atau mana-mana Dokumen Tender yang lain.
  - a) Tender-tender dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam perenggan 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Iklan Tender bagi penyerahan tender.
  - b) Jika sesuatu tender tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi tendernya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.

**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENGHUBUNGKAN JALAN DARI JALAN BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

- c)
  - d) Mana-mana tender yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (b) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan tendernya boleh dibayar kepadanya.
- 4.
- (a) Jika sekiranya petender mendapati ada percanggahan di dalam Dokumen Tender, petender hendaklah dengan serta merta merujuk kepada Pejabat yang memanggil Tender. yang akan menyelesaikan dan / atau mengarahkan yang mana perlu diikuti. Penyelesaian atau arahan tersebut yang mengubah / menambah kandungan dokumen tender hanya sah jika dibuat dalam bentuk Adendum secara rasmi.
  - (b) Sebelum tarikh tutup tender, pejabat yang memanggil tender boleh mengeluarkan Adendum untuk meminda sebahagian atau keseluruhan Dokumen Tender. Setiap adendum yang dikeluarkan akan diedarkan kepada perunding dan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender. Bukti penerimaan adendum hendaklah dikembalikan oleh perunding melalui Borang Bukti Penerimaan yang disertakan bersama-sama adendum dengan kadar segera. Setiap adendum yang diterima oleh perunding hendaklah disertakan bersama-sama dokumen tender. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tender berkenaan ditolak.
5. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa, meneliti tapakbina dan sekitarnya serta telah menentukan sebelum menyerahkan tendernya tentang risiko, luarjangka dan segala hal keadaan keperluan khusus projek.
6. Tender hendaklah terus sah selama tempoh Seratus Dua Puluh (120) hari dari tarikh tutup tender sebagaimana yang ditetapkan dalam Iklan Tender (dalam Syarat-Syarat Membuat Tender ini disebut "Tempoh Sah Laku Tender") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.
7. Majlis tidak boleh terikat menyetujui terima tender yang rendah sekali atau sesuatu tender dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tender.
8. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang tendernya dengan surat (disebut "Surat Setuju Terima") dalam Tempoh Sah Laku Tender atau apa-apa tempoh lanjutan.

**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENGHUBUNGKAN JALAN DARI JALAN BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

9. Tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika petender yang berjaya telah mengemukakan kepada Majlis dokumen-dokumen berikut:
- (a) suatu polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional yang diambil atas nama petender yang berjaya;
  - (b) jadual pelaksanaan perkhidmatan perunding yang muktamad; dan
  - (c) senarai nama kakitangan perunding (terdiri daripada kakitangan Perunding) yang terlibat dalam projek ini berserta peranan masing-masing,

tidak melebihi \*14/30—hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat Setuju Terima ini oleh petender yang berjaya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat Setuju Terima terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggung terhadap petender yang berjaya melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

10. Semua borang-borang yang dilampirkan kepada Dokumen Tender hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan tendernya.
11. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah dipos, diemel, atau difaks ke alamatnya, alamat emel atau no faks yang dinyatakan dalam tender ini dan tindakan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis tersebut.
12. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana tendernya telah diluluskan dan disetuju terima oleh Majlis.
13. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.
14. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka tendernya boleh ditolak.
15. Syarat-Syarat Membuat Tender ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.

**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

**Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding**

BIL	HURAIAN KOMPONEN DAN SUBKOMPONEN	PERUNDING UKUR TANAH
	<b><u>YURAN PERUNDING:</u></b>	
1	Perkhidmatan Asas	
2	Perkhidmatan Tambahan (merujuk kepada peruntukan TOR)	
3	Penyeliaan Tapak	
A	JUMLAH YURAN PERUNDING (RM)	
	<b><u>KOS IMBUHAN BALIK:</u></b>	
1	Kos Pengangkutan / Perjalanan	
	i. Tiket Penerbangan	
	ii. Tuntutan Perjalanan Kenderaan	

**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

2	Elaun Penginapan Dan Sara Hidup	
3	Kos Perhubungan	
4	Kos Dokumentasi Dan Penyediaan Laporan	
<b>B</b>	<b>JUMLAH KOS IMBUHAN BALIK (RM)</b>	
	<b>JUMLAH A+B</b>	
	<b>KOS PERKHIDMATAN PERUNDING (RM) (Kos Keseluruhan Perunding) RM</b>	

**Nota Penting :**

- 1) Setiap butiran komponen dan sub komponen hendaklah dihargaikan.
- 2) Nilai Kos Perkhidmatan Perunding hendaklah dibawa ke Borang Tender.

\_\_\_\_\_

Tandatangan Perunding

Nama:

Atas sifatnya sebagai:

Cap Perunding

\_\_\_\_\_

Tandatangan

Nama:

Atas sifatnya sebagai:

Tarikh :



**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

## **Cadangan Kos Perkhidmatan Perunding**

### **A. PENYEDIAAN CADANGAN KOS OLEH PERUNDING**

#### **1. Definisi Kos Perkhidmatan Perunding**

Kos Perkhidmatan Perunding adalah kos yang terdiri daripada **Yuran Perunding** dan **Kos Imbuhan** E

#### **2. Yuran Perunding**

- 2.1 Kerajaan telah memutuskan kaedah bayaran ke atas perkhidmatan perunding secara Yuran Perunding untuk pembangunan fizikal di mana yuran perunding (sama ada bagi skop perkhidmatan asas atau tambahan) sepanjang pelaksanaan projek sehingga projek siap. Yuran perunding yang telah dipersetujui akan menjadi nilai kontrak akhir.
- 2.2 Skala Yuran Piawai (Scale of Fees – SOF) tidak lagi terpakai untuk semua projek fizikal. Walaubagaimanapun, SOF tersebut boleh digunakan sebagai panduan sahaja dan Kerajaan akan menetapkan yuran perunding berdasarkan pematuhan kepada SOF.
- 2.3 Bagi tujuan pengiraan Yuran Perunding semasa tawaran harga dikemukakan kepada Kerajaan, yurannya berdasarkan mekanisme pengiraan yang kompetitif selain daripada SOF dengan dijangka perlu dihargaikan dalam yurannya.
- 2.4 Penetapan Yuran Perunding secara pukal tanpa butiran kos adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

**3. Kos Imbuan Balik**

- 3.1 Kos Imbuan Balik adalah lain-lain perbelanjaan (selain daripada Yuran Perunding) yang diperlukan sesuatu projek. Kos Imbuan Balik merupakan perbelanjaan sebenar yang dikehendaki oleh perunding kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dalam Pekeliling Perbelanjaan.
- 3.2 Kadar imbuan balik hendaklah tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Apabila perunding mengemukakan harga tawaran untuk imbuan balik, perunding tidak dibenarkan untuk mengemukakan kadar yang ditetapkan dalam format yang dilampirkan.
- 3.3 Panduan dan contoh penyediaan anggaran boleh dirujuk di Lampiran A di mana perunding boleh mendapati panduan dan contoh tersebut.

**4. Cukai Perkhidmatan**

- 4.1 Cukai Perkhidmatan ke atas kos perunding (yuran perunding dan kos imbuan balik) yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang mana cukai tersebut akan dibayar oleh perunding kepada Diraja Malaysia (JKDM) melalui perunding yang berdaftar dengan JKDM; dan
- 4.2 Cukai Pegangan ke atas kos perunding berdasarkan kadar peratusan yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang mana cukai tersebut akan dibayar oleh Agensi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau cukai tersebut dilantik oleh Agensi atau cukai pegangan tersebut akan dibayar oleh firma jika perunding adalah firma tempatan.
- 4.3 Kos keseluruhan perkhidmatan perunding yang ditawarkan hendaklah **TIDAK TERMAKSIUD** untuk memasukkan cadangan kos ini.
- 4.4 Majlis akan menyediakan peruntukan Cukai Perkhidmatan bagi tujuan pembayaran perkhidmatan perunding.

**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MEN**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELA**

**B. DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN OLEH PERUNDING**

1. Perunding dikehendaki melengkapkan dan mengemukakan dokumen-dokumen berikut dalam tawaran
  - 1.1 Borang Tender
  - 1.2 Jadual Ringkasan Kos Perkhidmatan Perunding
  
2. Dokumen Cadangan Kos ini hendaklah dimasukkan dalam satu (1) sampul dan ditandakan dengan Na

**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

**Lampiran A (Panduan Penyediaan Anggaran Kos Imbuan Balik)**

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Cati
1.	Pra-Kontrak	Prinsipal	Mesyuarat di Ibu Pejabat MBSJ	2 kali sebulan	i. <u>KOS PENGANGKUTAN</u> a. Tiket penerbangan b. Lain-lain perbelanjaan dan lain-lain; c. Tuntutan perbelanjaan kepada perjalanan d. Tambang teks RM1,000.00 sebulan e. Sewa kenderaan keperluan khusus  ii. <u>ELAUN PENGINAPAN</u> a. Sewa hotel / loji luar kawasan (maksimum kadar maksimum) b. Elaun makan; dan c. Elaun harian.

**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catatan
	Pra-Kontrak	Prinsipal/ Juruukur Bahan	Lawatan / Taklimat di Tapak Bina	2 kali	i. <u>KOS PENGANGKUTAN</u> a. Tiket penerbangan; b. Lain-lain perbelanjaan dan lain-lain; c. Tuntutan perjalan kepada perjalan; d. Tambang teks RM1,000.00 sebulan; e. Sewa kenderaan keperluan khusus;  ii. <u>ELAUN PENGINAPAN</u> a. Sewa hotel / loji luar kawasan (maka kadar maksimum); b. Elaun makan; dan c. Elaun harian.
2.	Pos-Kontrak	Prinsipal & Juruukur Bahan	Mesyuarat Pra-Pembinaan dan Mesyuarat Tapak	1 kali sebulan sepanjang tempoh pembinaan	i. <u>KOS PENGANGKUTAN</u> a. Tiket penerbangan; b. Lain-lain perbelanjaan dan lain-lain; c. Tuntutan perjalan kepada perjalan; d. Tambang teks RM1,000.00 sebulan; e. Sewa kenderaan khusus mengikut keperluan.

**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catatan
					ii. <u>ELAUN PENGINAPAN</u> a. Sewa hotel / loji di luar kawasan (maksimum kadar maksimum); b. Elaun makan; c. Elaun harian.
	Pos-Kontrak	Juruukur Bahan	Penilaian Kemajuan Kerja / Penyediaan Bayaran Interim	1 kali sebulan sepanjang tempoh pembinaan	i. <u>KOS PENGANGKUTAN</u> a. Tiket penerbangan; b. Lain-lain perbelanjaan dan lain-lain; c. Tuntutan perjalan kepada perjalanan; d. Tambang teksi RM1,000.00 sebulan; e. Sewa kenderaan keperluan khusus;  ii. <u>ELAUN PENGINAPAN</u> a. Sewa hotel / loji di luar kawasan (maksimum kadar maksimum); b. Elaun makan; dan c. Elaun harian.

**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catatan
3.	Penyediaan Perakuan Muktamad dan Pengukuran Semula	Juruukur Bahan	Pengukuran Semula Kuantiti & Penyediaan Bayaran Akhir		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <u>KOS PENGANGKUTAN</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tiket penerbangan</li> <li>b. Lain-lain perbelanjaan dan lain-lain;</li> <li>c. Tuntutan perjalan kepada perjalanan</li> <li>d. Tambang teks RM1,000.00 sebulan</li> <li>e. Sewa kenderaan khusus mengikut keperluan</li> </ul> </li> <li>ii. <u>ELAUN PENGINAPAN</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Sewa hotel / loji luar kawasan (mengikut kadar)</li> <li>b. Elaun makan; dan</li> <li>c. Elaun harian.</li> </ul> </li> </ul>
4.	Pengawasan di Tapak Bina	Juruukur Bahan (Jika Ditetapkan)	Kerja pengawasan sebagai tugas ukur bahan	Sepanjang tempoh kontrak dan 6 bulan selepas Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berkelulusan dalam oleh Lembaga Jurukur</li> <li>ii. Pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bahan.</li> <li>iii. Kelayakan elaun: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Elaun tapak; dan</li> <li>b. Kos pengiklanan</li> </ul> </li> </ul>
5.	Kos Perhubungan	-	-	Tempoh pelaksanaan projek, kompleksiti projek dan keperluan perhubungan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Termasuk perbelanjaan perkhidmatan pengangkutan</li> <li>ii. Kadar bayaran menepati RM1,500.00 sebulan</li> <li>iii. Kadar bayaran sekurang-kurangnya RM750.00 tertakluk kepada perincian</li> </ul>

**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catatan
6.	Kos Dokumentasi dan Penyediaan Laporan	-	Percetakan Dokumen Tender	50 set dokumen tender dan 2 set Dokumen Meja Tawaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meliputi perbelanjaan dokumen atau laporan yang berkaitan; dan</li> <li>ii. Jenis, kualiti dan mengikut format yang</li> </ul>
			Percetakan Dokumen Kontrak	15 set dokumen kontrak	
			Lain-lain dokumen	Mengikut keperluan di dalam Terma Rujukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meliputi perbelanjaan dokumen atau laporan yang berkaitan; dan</li> <li>ii. Jenis, kualiti dan mengikut format yang</li> </ul>
7.	Aset Projek	-	-	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembelian aset tidak dibenarkan kecuali jika</li> <li>ii. Jika dibenarkan, akan dilakukan sendiri oleh Agensi dan aset yang dibeli</li> </ul>



**SEKSYEN II : BAHAGIAN B**  
**PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN JALAN SAMBUNG YANG MENYAMBUNG**  
**BANDAR PUCHONG JAYA KE JALAN TIONG, BANDAR PUCHONG JAYA, PUCHONG, SELATAN**

Bil.	Peringkat Pelaksanaan	Penglibatan Pegawai	Butiran Kerja	Kekerapan / Bilangan	Catatan
8.	Ujian Teknikal Dan Lain-lain Ujian	-	-	Tempoh pelaksanaan projek, kompleksiti projek dan keperluan ujian	i. Jika dinyatakan di dalam model dan lain-lain u ii. Sekiranya ujian tersebut kepakaran dari syarikat akan diuruskan oleh semasa Kerajaan.
9.	Kos Sewaan Pejabat Dan Utiliti	-	-	Tempoh pelaksanaan projek	i. Hanya dibenarkan (jika tidak disediakan) ii. Kos sewaan meliputi utiliti.

## PP/PK 3.2 - Imbuhan Balik Perunding

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN
<b>A</b>	<b>KOS PENGANGKUTAN / PERJALANAN</b>	
A1	Tiket Penerbangan Tempatan / Antarabangsa	<ol style="list-style-type: none"> <li>Jumlah penerbangan hendaklah dihadkan kepada bilangan yang perlu sahaja, mengikut tugas khusus setiap perunding. Bagi tujuan ini Jadual Tugas (manning schedule) yang disediakan oleh perunding bolehlah dijadikan panduan bagi penetapan had jumlah penerbangan.</li> <li>Pakar perunding asing yang semasa melaksanakan tugasnya dan perlu menginap di negara ini bagi tempoh 12 bulan atau lebih secara terus menerus, boleh dibenarkan membawa isteri dan tiga (3) orang anak yang berumur di bawah 18 tahun dengan syarat tempoh penginapan mereka di negara ini tidak kurang dari 3 bulan. Bagi tugas yang menjangkau tempoh 30 bulan secara terus menerus, perunding asing ini dibenarkan tambahan satu (1) penerbangan pergi-balik termasuk isteri dan tiga (3) orang anak mereka selepas menyempurnakan tempoh perkhidmatan 24 bulan.</li> <li>Penerbangan hendaklah dihadkan kepada kelas ekonomi sahaja. Penerbangan hendaklah menggunakan jalan paling dekat (the most direct route) dan tambang termurah dengan menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan tempatan yang telah diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.</li> <li>Bayaran adalah bagi penerbangan pergi balik (local/or international-bound flights) mengikut kadar tambang sebenar yang dikenakan oleh syarikat penerbangan berkenaan. Sekiranya terdapat diskaun pada harga pembelian (promosi dan sebagainya), harga diskaun tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan pembayaran. ke lapangan terbang/stesen kereta api dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/stesen kereta api ke tempat penginapan dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api (<i>berth charges</i>).</li> </ol>
A2	<b>Lain-lain Perbelanjaan Berkaitan Dengan Perjalanan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan para A1 boleh dibenarkan termasuk perbelanjaan tambang teksi dari rumah ke lapangan terbang (vice-versa), bayaran visa, permit perjalanan, tol, parkir dan lain-lain.</li> <li>Kadar bayaran hendaklah mengikut kadar sebenar (bill) bagi setiap butiran.</li> </ol>

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN
<b>A</b>	<b>KOS PENGANGKUTAN / PERJALANAN</b>	
A2	<b>Lain-lain Perbelanjaan Berkaitan Dengan Perjalanan</b>	<p>3. Bagi tuntutan tol yang menggunakan Touch &amp; Go dan Smart Tag, perunding tidak perlu mengemukakan resit, sebaliknya adalah memadai tuntutan tersebut dikemukakan bersama dengan surat-surat panggilan mesyuarat. Kadar tol boleh disemak melalui laman web pemegang konsesi lebuhraya (contohnya: PLUS, MEX dan lain-lain).</p>
A3	<b>Tuntutan Perjalanan Kenderaan (Mileage Claims)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perunding dibenarkan menggunakan kenderaan sendiri dan membuat tuntutan perjalanan bagi tugas-tugas rasmi yang dibuat semasa pelaksanaan projek.</li> <li>2. Kemudahan ini perlu dihadkan kepada perjalanan jarak dekat sahaja, manakala bagi perjalanan jarak jauh perunding digalakkan menggunakan kemudahan pengangkutan awam yang mana lebih menjimatkan.</li> <li>3. Perunding yang telah disediakan kemudahan kenderaan atau menyewa kenderaan, tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan perjalanan kenderaan.</li> <li>4. Tuntutan mileage perjalanan hendaklah tertakluk kepada kadar sebagaimana ditetapkan dalam peraturan semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.</li> <li>5. Perunding yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di satu tempat sahaja yang jaraknya melebihi 240 km daripada Ibu Pejabatnya dan terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau kereta api layak menuntut tambang gantian mengikut kadar tambang pengangkutan yang sesuai dengan kelayakannya, iaitu Tambang Gantian tersebut hendaklah bersamaan dengan tambang kapal terbang atau kereta api, mengikut mana yang berkenaan dengan syarat dinyatakan di dalam baucar tuntutan yang ia telah menggunakan kenderaannya sendiri; dan</li> <li>6. Perunding yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan yang bersabit dengan perjalanan kapal terbang atau kereta api seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang/stesen kereta api dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/stesen kereta api ke tempat penginapan dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api (<i>berth charges</i>).</li> </ol>

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN																								
<b>A</b>	<b>KOS PENGANGKUTAN / PERJALANAN</b>																									
A4	<b>Tambang Teksi</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Perunding dibenarkan menuntut tambang teksi mengikut keperluan projek.</li> <li>Walaupun bagaimanapun, Agensi hendaklah memastikan tuntutan ini tidak bertindih dengan tuntutan perjalanan kenderaan seperti di A3.</li> <li>Anggaran tuntutan tambang teksi <b>hendaklah tidak melebihi RM1,000 sebulan.</b></li> </ol>																								
A5	<b>Sewa Kenderaan</b>	<p>Sewaan kenderaan hanya dibenarkan sekiranya terdapat keperluan khusus mengikut kesesuaian projek dan mendapat persetujuan Agensi terlebih dahulu.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Jenis kenderaan adalah meliputi kereta, van, pacuan empat roda, bot, helikopter dan sebagainya mengikut kesesuaian dan keperluan projek.</li> <li>Sewaan kenderaan boleh meliputi elaun pemandu, kos bahan api, kos penyelenggaraan dan sebagainya bergantung kepada rundingan yang diadakan, sebut harga bolehlah diminta untuk menentukan kos sewaan sebenar.</li> <li>Bagi tujuan anggaran, kadar berikut (termasuk elaun pemandu, bahan api, penyelenggaraan dan sebagainya) hendaklah berdasarkan <b>kadar maksimum berikut :</b></li> </ol> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <tr> <td style="text-align: center;"><b>Kereta</b></td> <td>RM1,800-RM3,500 sebulan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>Pacuan 4 roda</b></td> <td>RM3,500-RM6,000 sebulan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>Van</b></td> <td>Kadar sebenar</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>Helikopter</b></td> <td>Kadar sebenar</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>Bot</b></td> <td>Kadar sebenar</td> </tr> </table>	<b>Kereta</b>	RM1,800-RM3,500 sebulan	<b>Pacuan 4 roda</b>	RM3,500-RM6,000 sebulan	<b>Van</b>	Kadar sebenar	<b>Helikopter</b>	Kadar sebenar	<b>Bot</b>	Kadar sebenar														
<b>Kereta</b>	RM1,800-RM3,500 sebulan																									
<b>Pacuan 4 roda</b>	RM3,500-RM6,000 sebulan																									
<b>Van</b>	Kadar sebenar																									
<b>Helikopter</b>	Kadar sebenar																									
<b>Bot</b>	Kadar sebenar																									
B1	<b>Perunding Tempatan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Bagi perunding yang menjalankan tugas rasmi di luar kawasan yang (melebihi 25 km dari ibu pejabat firma) dan perlu menginap layak menuntut bayaran sewa hotel yang disokong dengan resit atau elaun lojing mengikut kadar-kadar seperti dalam jadual di bawah:</li> </ol> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th rowspan="2"></th> <th colspan="2" style="text-align: center;">Ikhtisas</th> <th colspan="2" style="text-align: center;">Separa Ikhtisas</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;">S.M'sia (RM)</th> <th style="text-align: center;">Sbh/Swk (RM)</th> <th style="text-align: center;">S.M'sia (RM)</th> <th style="text-align: center;">Sbh/Swk (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;"><b>Hotel</b></td> <td style="text-align: center;">250</td> <td style="text-align: center;">270</td> <td style="text-align: center;">190</td> <td style="text-align: center;">210</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>Lojing</b></td> <td style="text-align: center;">60</td> <td style="text-align: center;">80</td> <td style="text-align: center;">40</td> <td style="text-align: center;">60</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>Elaun Makan</b></td> <td style="text-align: center;">60</td> <td style="text-align: center;">80</td> <td style="text-align: center;">40</td> <td style="text-align: center;">60</td> </tr> </tbody> </table>		Ikhtisas		Separa Ikhtisas		S.M'sia (RM)	Sbh/Swk (RM)	S.M'sia (RM)	Sbh/Swk (RM)	<b>Hotel</b>	250	270	190	210	<b>Lojing</b>	60	80	40	60	<b>Elaun Makan</b>	60	80	40	60
	Ikhtisas			Separa Ikhtisas																						
	S.M'sia (RM)	Sbh/Swk (RM)	S.M'sia (RM)	Sbh/Swk (RM)																						
<b>Hotel</b>	250	270	190	210																						
<b>Lojing</b>	60	80	40	60																						
<b>Elaun Makan</b>	60	80	40	60																						

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN									
<b>B</b>	<b>ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</b>										
B1	<b>Perunding Tempatan</b>	<p>2. Kadar sewa hotel di atas adalah merupakan <b>kadar maksimum yang dibenarkan</b>. Bayaran kepada perunding hendaklah mengikut kadar sebenar yang dikenakan oleh pihak hotel, tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan. Sebagai tambahan kepada kadar berkenaan, perunding juga layak menuntut apa-apa cukai yang perlu dibayar berkaitan dengan sewaan hotel tersebut.</p> <p>3. Bagi perunding yang menjalankan tugas di luar pejabat bagi tempoh yang melebihi 8 jam tetapi tidak mencapai tempoh 24 jam, mereka boleh dibayar elaun harian dengan kadar separuh daripada kelayakan elaun makan mereka.</p> <p>Agensi hendaklah menasihati perunding agar mendapatkan kadar promosi/<i>internet rate</i> bagi penginapan hotel.</p>									
B2	<b>Kakitangan Tapak</b>	<p><b><u>ELAUN TAPAK</u></b></p> <p>1. Perunding tidak dibenarkan menuntut lain-lain kos imbuhan balik kecuali elaun tapak untuk kakitangan yang ditempatkan di tapak bagi menjalankan kerja-kerja pengawasan atau penyeliaan projek. <b>Kadar elaun tapak adalah <u>ditetapkan</u> seperti berikut:</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;">Kakitangan</th> <th style="text-align: center;">Sem. M a y s a (RM)</th> <th style="text-align: center;">Sabah /Sarawak (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ikhtisas</td> <td style="text-align: center;">800 sebulan</td> <td style="text-align: center;">950 sebulan</td> </tr> <tr> <td>Separa Ikhtisas/ Sokongan</td> <td style="text-align: center;">650 sebulan</td> <td style="text-align: center;">800 sebulan</td> </tr> </tbody> </table> <p><b><u>KOS PENGIKLANAN PENGAMBILAN KAKITANGAN TAPAK</u></b></p> <p>2. Perunding dibenarkan menuntut kos iklan bagi pengambilan kakitangan tapak. Kadar bayaran hendaklah mengikut kadar sebenar (bil) bagi setiap iklan.</p>	Kakitangan	Sem. M a y s a (RM)	Sabah /Sarawak (RM)	Ikhtisas	800 sebulan	950 sebulan	Separa Ikhtisas/ Sokongan	650 sebulan	800 sebulan
Kakitangan	Sem. M a y s a (RM)	Sabah /Sarawak (RM)									
Ikhtisas	800 sebulan	950 sebulan									
Separa Ikhtisas/ Sokongan	650 sebulan	800 sebulan									

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN						
<b>B</b>	<b>ELAUN PENGINAPAN DAN SARA HIDUP</b>							
<b>B3</b>	<b>Perunding Asing</b>	<p>1. Perunding asing boleh dibayar elaun <i>per diem</i> bagi tujuan menampung perbelanjaan penginapan dan sara hidup semasa menjalankan tugas di negara ini untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan. Elaun ini dikira mulai dari hari pertama beliau tiba sehingga ke hari berlepas pulang selepas menyempurnakan tugas rasmi beliau dalam tempoh tersebut.</p> <p>2. Kadar elaun <i>per diem</i> adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="810 640 1418 864"> <thead> <tr> <th>Tempoh</th> <th>S.M'sia/Sabah/Sarawak (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>60 hari yang pertama</td> <td>310 sehari</td> </tr> <tr> <td>Hari-hari yang berikut</td> <td>170 sehari</td> </tr> </tbody> </table> <p>3. Dalam keadaan di mana perunding asing perlu berada di Negara ini untuk satu jangka masa yang panjang, kaedah yang lebih menjimatkan hendaklah digunakan sebagai alternatif kepada bayaran elaun <i>per diem</i>. Umpamanya, pihak agensi boleh menyediakan tempat tinggal dengan membayar sewa dan kos utiliti yang berkaitan. Pada kebiasaannya, ditetapkan secara rundingan.</p> <p>4. Bagi perunding asing yang dikehendaki menjalankan tugas di luar daripada pejabat/tempat tinggal yang disediakan kepadanya, beliau boleh menuntut bayaran penginapan, perjalanan dan sebagainya mengikut kadar seperti yang dibenarkan kepada perunding tempatan.</p> <p>5. Walau bagaimanapun, beliau tidak layak menerima elaun sara hidup kerana ia sudah termasuk di dalam elaun <i>per diem</i> yang diberikan.</p>	Tempoh	S.M'sia/Sabah/Sarawak (RM)	60 hari yang pertama	310 sehari	Hari-hari yang berikut	170 sehari
Tempoh	S.M'sia/Sabah/Sarawak (RM)							
60 hari yang pertama	310 sehari							
Hari-hari yang berikut	170 sehari							
<b>C</b>	<b>Kos Perhubungan</b>	<p>1. Termasuk perbelanjaan telefon, faks, emel dan perkhidmatan penghantaran (pos, kurier dsb). Kos yang dibenarkan hendaklah mengambil kira faktor-faktor seperti tempoh pelaksanaan projek, kompleksiti projek dan keperluan perhubungan dalam dan luar negeri.</p> <p>2. Kadar bayaran hendaklah berdasarkan bil sebenar setiap butiran berkaitan. Jumlah keseluruhan bagi kos perhubungan tertakluk kepada had bayaran maksimum sebanyak RM 1,500 sebulan.</p> <p>3. Bayaran boleh dibenarkan secara <i>lump sum</i> di mana perunding tidak perlu mengemukakan bil bagi maksud pembayaran tertakluk kepada rundingan tetapi tidak melebihi RM750 sebulan.</p>						

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN
D	<p><b>Kos Dokumentasi Dan Penyediaan Laporan</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meliputi perbelanjaan bagi penyediaan dan percetakan dokumen atau laporan dan lain-lain berkaitan.</li> <li>2. Jenis, kualiti dan bilangan laporan yang dikehendaki perlu dinyatakan secara jelas di dalam Terma Rujukan projek/kajian Kerajaan. Selain itu, saiz dokumen atau bilangan pelan yang perlu disertakan (di mana berkenaan) perlu juga diambil kira dalam penentuan kos ini.</li> <li>3. Kos dokumentasi boleh juga ditentukan mengikut harga dokumen yang digunakan atau aktiviti yang terlibat seperti fotostat, lukisan, penjilidan dan lain-lain. <b>Kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar daripada syarikat percetakan atau pembekal di mana berkenaan.</b></li> <li>4. Bagi dokumen yang memerlukan ciri khusus dari segi jenis (<i>hardcopy/softcopy</i>), warna, saiz dan bilangan, kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar dengan persetujuan dan pengesahan Agensi.</li> <li>5. Bagi dokumen yang disiapkan sendiri oleh perunding, kadar boleh ditetapkan mengikut kadar pasaran semasa. Harga pasaran semasa telah pun mengambil kira keperluan percetakan seperti kertas, toner, <i>binding</i> dan sebagainya.</li> <li>6. Bagi laporan projek pembangunan fizikal yang perlu disertakan dengan model atau dalam bentuk multimedia dsb, kadar hendaklah berdasarkan bil sebenar dengan persetujuan dan pengesahan Agensi.</li> </ol> <p>7. Bagi pelan yang perlu dikemukakan untuk kelulusan pihak berkuasa tempatan dan dikenakan bayaran, perunding boleh mengemukakan tuntutan tersebut berdasarkan bil sebenar.</p>
E	<p><b>Aset Projek</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembelian aset termasuk peralatan dan kelengkapan projek <b>tidak dibenarkan</b>. Firma perunding yang dilantik sepatutnya mempunyai peralatan dan kemudahan asas yang mencukupi bagi mengendalikan projek Kerajaan. Ini bagi mengelakkan bayaran dua kali di mana kos ini merupakan sebahagian daripada <i>overhead</i> firma dan telah diambil kira dalam faktor pengganda.</li> <li>2. Dalam keadaan yang amat memerlukan, peralatan dan kelengkapan projek hendaklah diperolehi (melalui pembelian atau sewaan) dan <b>mesti diurus oleh agensi berkenaan mengikut tatacara perolehan yang berkuatkuasa</b> dan dihadkan kepada jumlah yang diperlukan bagi maksud pelaksanaan projek berkenaan sahaja.</li> </ol>

	BUTIRAN	ASAS DAN KADAR BAYARAN
		<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Perunding perlu memulangkan semula semua aset dan peralatan ini kepada agensi pelaksana setelah tempoh perkhidmatan mereka tamat. Aset yang dibeli adalah hak milik Kerajaan.</li> <li>4. Perunding tidak dibenarkan menguruskan sendiri perolehan bagi sebarang aset atau peralatan projek dan Kerajaan tidak akan membayar apa jua tuntutan bagi perolehan tersebut.</li> <li>5. Pembelian perisian asas komputer (basic computer software) juga tidak dibenarkan. Bagi perisian komputer yang khusus umpamanya perisian teknikal (technical software), agensi bolehlah menimbangkan pembelian tersebut namun hendaklah dipertimbangkan dengan teliti dengan mengambil kira keperluan penggunaannya, kos belian atau sewaan, lesen atau yuran penggunaan tahunan (copyright fee) dan sebagainya. Pembelian ini mesti diuruskan oleh agensi. Bagi perolehan data/peta/lukisan (sama ada dalam bentuk hardcopy/softcopy) yang akan digunakan untuk tujuan kajian/projek, perunding dibenarkan untuk memperolehinya sendiri dan membuat tuntutan daripada Agensi tertakluk persetujuan Agensi. Agensi hendaklah memastikan data/peta/lukisan yang diperolehi oleh perunding tersebut dikembalikan dan menjadi hak milik Kerajaan.</li> </ol>
<b>F</b>	<b>Ujian Teknikal Dan Lain- Lain Ujian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ujian bahan (<i>material test</i>), ujian model (<i>modelling test</i>) dan lain-lain ujian teknikal boleh dibenarkan mengikut keperluan projek. Walau bagaimanapun, sekiranya dalam melaksanakan sesuatu ujian, perunding menggunakan khidmat kepakaran dari syarikat lain seperti ujian EIA dan lain-lain ujian makmal, perolehan perkhidmatan tersebut hendaklah diuruskan oleh Agensi mengikut dasar dan peraturan perolehan Kerajaan.</li> <li>2. Bayaran bagi kos ujian (bahan dan sewaan) hendaklah disokong dengan bil dan dokumen belian di samping pengesahan dari agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di dalam bidang berkenaan.</li> </ol>



<b>G</b>	<b>Kos Sewaan Pejabat Dan Utiliti</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keperluan ini hanya dibenarkan bagi pejabat di tapak projek dengan syarat ianya tidak disediakan oleh kontraktor atau bagi firma perunding asing yang dilantik bagi pelaksanaan sesuatu projek/kajian.</li> <li>2. Tuntutan ini adalah merupakan sewa bulanan yang merangkumi kos sewaan pejabat dan bil-bil utiliti.</li> </ol>
<b>BUTIRAN</b>		<b>ASAS DAN KADAR BAYARAN</b>
<b>H</b>	<b>Kos Bagi Menjalankan Kajian Selidik</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi projek yang memerlukan kaji selidik, kos yang berkaitan dengan urusan ini boleh dibenarkan. Kadar bayaran bergantung kepada kaedah yang digunakan seperti berikut:             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kadar mengikut bilangan soal selidik:- maksimum RM12 /soal selidik; atau</li> <li>ii. Kadar mengikut bilangan penemuduga (enumerators) :-maksimum RM60 sehari; atau</li> <li>iii. Bagi penemuduga terlatih/berjawatan tetap:maksimum RM1,200 sebulan</li> </ol> </li> <li>2. Lain-lain kaedah (termasuk penggunaan multimedia), kadar boleh dirundingkan mengikut kadar sebenar, pukal dengan butiran kos dan sebagainya.</li> <li>3. Ketua penemuduga bergantung pada kelayakan dan pengalaman: - RM1,200 sehingga RM2,500 sebulan</li> <li>4. Kaedah yang paling sesuai dan menjimatkan hendaklah digunakan dalam melaksanakan urusan kaji selidik ini.</li> </ol>

